

PM kecewa budaya samseng dibawa ke sidang Parlimen

Pembangkang buat kecoh

21 DEC 1993

Oleh BAHAROM MAHUSIN

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Persidangan hari pertama Dewan Rakyat hari ini menyaksikan anggota pembangkang dan pemerintah bertelagah mengenai kesahihan mesyuarat itu, menyebabkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menuduh pembangkang cuba membawa "budaya samseng" ke dalam Parlimen.

Perdana Menteri berkata, cara pembangkang bertindak mempertikaikan kesahihan persidangan hari ini merupakan tindakan liar "ala samseng."

Beliau menegaskan, persidangan hari ini tidak melanggar perlembagaan seperti yang didakwa oleh pembangkang.

"Saya sedih kerana cara pembangkang baru ini seolah-olah membawa undang-undang jalanan ke Parlimen. Mereka tidak langsung mengendahkan peraturan-peraturan. Apabila diberi penjelasan mereka tolak," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Upacara angkat sumpah anggota Dewan Rakyat pada sidang pertama penggal pertama Parlimen ke-10 pagi ini terganggu apabila ahli-ahli Parlimen pembangkang melanggar peraturan mesyuarat dengan bercakap sebelum Yang Dipertua Dewan Rakyat dilantik dan sebelum mereka mengangkat sumpah.

● Lagi laporan dan gambar di muka 2,3 dan 4

Dalam insiden yang disifatkan oleh kebanyakan pihak sebagai memalukan, Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor bangkit mempertikaikan kesahihan persidangan sebaik sahaja Setiausaha Dewan, Datuk Mohd. Salleh Hassan, membacakan proklamasi daripada Yang di-Pertuan Agong pada pukul 10 pagi.

Suasana kemudian menjadi kecoh apabila ahli-ahli pembangkang lain bangun selepas Fadzil selesai berucap, iaitu satu ucapan yang bercanggah dengan peraturan mesyuarat Dewan Rakyat kerana mereka masih belum mengangkat sumpah.

Ada kala mereka berteriak kerana sistem pembesar suara di Dewan itu tidak berfungsi.

Dr. Mahathir juga kecewa kerana ahli-ahli Parlimen pembangkang terbabit terutama dari Pas sanggup membiarkan diri mereka menjadi boneka kepada Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, yang tewas pada pilihan raya yang lalu.

"Saya dengar perkara ini (isu kesahihan mesyuarat) disebut oleh Kit Siang, nampak seolah-olah dia cuba pengaruhi yang lain. Saya fikir jika Kit Siang tidak bangkitkan perkara itu mereka yang lain yang kebanyakannya muka baru belaka tidak akan bangkitkan perkara ini.

"Tetapi kelihatan seolah-olah Kit Siang boleh lagi tarik tali supaya parti lawan menari mengikut rentak dia. Saya amat dukacita kerana orang lain bo-

■ Lihat muka 10

Pembangkang buat kecoh

UM 21 DEC 1999

leh mainkan peranan sebagai *puppet master* dalam dewan ini," katanya.

Mengikut peraturan mesyuarat, seseorang Ahli Parlimen hanya boleh bercakap setelah mereka selesai mengangkat sumpah dan setelah dibenarkan berbuat demikian oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Kerana tidak puas hati sebahagian besar daripada 43 orang Ahli Parlimen pembangkang itu kemudian bertindak keluar dewan, tetapi majlis mengangkat sumpah ahli-ahli Parlimen diteruskan.

Menurut Dr. Mahathir, Ahli-Ahli Parlimen pembangkang sepatutnya mengutamakan perkara yang lebih penting iaitu meluluskan peruntukan perbelanjaan kerajaan bagi tempoh dua bulan pertama tahun 2000 sebelum Parlimen membentangkan semula Belanjawan 2000 pada 29 Februari depan.

"Kalau tidak diluluskan, kita tidak boleh belanja wang. Sudah tentu ini perkara penting dalam urusan negara dan saya fikir tentulah parti lawan sepatutnya memberi kerjasama supaya urusan mentadbir negara berjalan dengan licin," katanya.

Antara lain wang itu diperlukan untuk membayar gaji kakitangan awam dan urusan pentadbiran.

ta, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tentu lebih buruk sekiranya Barisan Nasional (BN) gagal mendapat majoriti dua pertiga pada pilihan raya yang lalu.

Mengenai tindakan pembangkang meninggalkan dewan, Perdana Menteri berkata, ia bukan kali pertama berlaku.

"Mereka pernah meninggalkan dewan sebelum ini. Tetapi ini kali pertama mereka berbuat demikian sebelum jadi Ahli Parlimen," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau telah memberi penjelasan bahawa melalui statusnya sebagai Perdana Menteri dalam kerajaan sementara, beliau mempunyai kuasa untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong.

Oleh itu katanya, persidangan pertama penggal pertama Parlimen ke-10 mengikut lunas-lunas perlembagaan.

"Di mana-mana juga kerajaan sementara mempunyai kuasa. Tidak ada suatu dalam perlembagaan (yang mengatakan) saya tidak boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong atau ada perkara yang saya tidak boleh nasihat," jelasnya.

Dr. Mahathir menegaskan, ini bermakna Perdana Menteri dalam kerajaan sementara itu mempunyai peranan dan kuasa sama seperti Per-

dana Menteri di waktu-waktu lain.

Dr. Mahathir kesal kerana pembangkang mempertikai perkara remeh yang tidak penting berbanding Belanjawan negara.

Beliau berpendapat Ahli-Ahli Parlimen pembangkang hanya mahu menunjukkan kekuatan sedangkan mereka sebenarnya tidak faham peraturan dan perlembagaan negara.

"Mereka tahu perbelanjaan ini penting dan kita perlu peruntukan undang-undang berkenaan perbelanjaan negara. Kalau mereka sekat perbelanjaan negara, kita tidak boleh bayar gaji termasuk gaji Ahli-Ahli Dewan.

"Walaupun mereka terdiri daripada pembangkang tetapi kepentingan negara sepatutnya perlu diutamakan termasuk keperluan negara mempunyai perbelanjaan yang sah dari segi undang-undang," katanya.

Dr. Mahathir berkata, jika wujud sebarang rasa tidak puas hati dengan sebarang keputusan termasuk keputusan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan boleh membawa usul tidak bersetuju dan ia boleh dibahaskan dan diputuskan oleh ahli-ahli mengikut proses biasa.

"Tetapi bila Yang Dipertua buat keputusan hendaklah patuh dengan keputusan itu.

"Tetapi saya dapati apabila Yang Dipertua kata sudahlah, duduklah, Ahli-Ahli Parlimen pembangkang tidak endah sama sekali. Mereka juga tidak endah kepada Setiausaha (Dewan Rakyat)," katanya.

Menjawab soalan pemberi-

dana Menteri di waktu-waktu lain.

"Jadi saya berhak untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong. Kalau saya tidak mempunyai hak untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong maka tidak ada makna kerajaan sementara ini," katanya.

Perdana Menteri mengambil contoh kerajaan sementara di India yang berjalan selama lebih enam bulan dan dalam tempoh itu pelbagai keputusan penting telah dibuat.

Daripada 193 kerusi Parlimen, sebanyak 45 kerusi dipegang oleh pembangkang iaitu Pas (27), DAP (10), Parti Keadilan Nasional (5) dan PBS (3).

Ketika ditanya sama ada tindakan anggota-anggota Parlimen pembangkang keluar dewan sebagai tanda rasa tidak puas hati merupakan yang pertama dalam kariernya sebagai anggota Parlimen, Dr. Mahathir berkata walaupun ia pernah berlaku, tetapi "kali ini mereka keluar dewan sebelum mengangkat sumpah jawatan."

"Dari segi teknikal, mereka tidak sepatutnya bercakap di Parlimen sehingga mereka mengangkat sumpah," kata Dr. Mahathir yang menyambut hari jadi ke-74 hari ini.

Anggota-anggota Parlimen pembangkang yang keluar dewan bagaimanapun kemudian masuk semula ke dalam Dewan dan mengangkat sumpah atas alasan mereka juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.